



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

KURSUS	:	FIQH IBADAH
KOD KURSUS	:	DPI 1013
PEPERIKSAAN	:	APRIL 2015
MASA	:	2 JAM

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA(3)** bahagian:

BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (10 Markah)
BAHAGIAN C (40 Markah)
2. Jawab **SEMUA** soalan dari BAHAGIAN A dan BAHAGIAN B. Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja dari BAHAGIAN C .
  - i. Jawab BAHAGIAN A di dalam Borang Jawapan Objektif
  - ii. Jawab BAHAGIAN B di dalam Borang Jawapan Betul/Salah
  - iii. Jawab BAHAGIAN C di dalam Buku Jawapan. Mula menjawab setiap jawapan di mukasurat baru.
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Borang Jawapan Objektif
  - iii. Borang Jawapan Betul/Salah
  - iv. Buku Jawapan

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 10 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi DUA PULUH (20) soalan. Jawab semua soalan di dalam Borang Jawapan Objektif

1. Berikut merupakan rukun solat melainkan
  - A. Duduk antara 2 sujud
  - B. Membaca *tasyahud awal*
  - C. Membaca surah al-Fatihah
  - D. *Takbiratul ihram*
2. Solat tidak terbatal dengan perkara berikut melainkan:
  - i. Menelan makanan sebesar biji beras
  - ii. Menyebut perkataan yang mempunyai 1 huruf yang tidak bermakna
  - iii. Menjawab salam dengan niat doa
  - iv. Bergerak tiga langkah kehadapan berturut-turut
  - A. i dan ii
  - B. ii dan iii
  - C. iii dan iv
  - D. i dan iv
3. Air musyammas boleh digunakan untuk bersuci dalam keadaan berikut kecuali:
  - A. Terdedah kepada matahari di musim dingin
  - B. Bekas dibuat dari plastik
  - C. Telah digunakan untuk bersuci
  - D. Terdedah dalam tempoh panjang
4. Air dalam sebuah bekas beratnya 385.74 kg menyamai ukuran
  - A. 1 kolah
  - B. 2 kolah
  - C. 3 kolah
  - D. 4 kolah

5. Tersentuh anjing yang basah bulunya diwajibkan bersuci dengan cara yang khusus kerana ia adalah
  - A. Najis mutawassitah
  - B. Najis mukhaffafah
  - C. Najis mughallazah
  - D. Najis mudawamah
6. Najis mukhaffafah dapat disucikan dengan cara berikut:
  - A. Merenjis air di tempat kena najis
  - B. Menjirus air di tempat kena najis
  - C. Menjirus air bercampur tanah sebanyak 4 kali
  - D. Menjirus air bercampur tanah sebanyak 7 kali
7. Darah manusia dianggap najis menurut Mazhab Shafie kerana bersandarkan kepada :
  - A. Ayat al-Quran yang menyebutnya sebagai najis
  - B. Berpandukan hadis nabi yang menyebut hati dan limpa bukan najis
  - C. Dianggap kotor kerana mengandungi kuman dan kotoran
  - D. Darah manusia boleh mengotorkan pakaian
8. Mandi wajib dilakukan bagi orang yang mengalami situasi berikut kecuali :
  - A. Berkahwin
  - B. Beronani
  - C. Bersetubuh
  - D. Didatangi haid dan nifas
9. Kenyataan yang betul mengenai darah istihadah
  - A. Membatalkan wuduk tidak mewajibkan mandi
  - B. Wuduk tidak batal tidak wajib mandi
  - C. Wuduk tidak batal tapi wajib mandi
  - D. Membatalkan wuduk mewajibkan mandi

10. Pilih tanda-tanda seseorang telah mencecah usia akil baligh
- i . Mengalami haid
  - ii. mimpi keluar mani
  - iii. berusia 18 tahun
  - iv. telah matang akal fikiran
- A. i dan ii
- B. i dan iii
- C. i , ii dan iii
- D. ii, iii dan iv
11. Darah istihadah boleh dibezakan dengan melihat kepada
- i. tempohnya kurang dari sehari semalam
  - ii. tempohnya melebihi 15 hari dan 15 malam
  - iii. melihat kepada warna dan kepekatannya
  - iv. mencium bau dan rasanya
- A. i dan ii
- B. i dan iii
- C. ii dan iv
- D. iii dan iv
12. Turutan rukun-rukun tayammum adalah seperti berikut :
- A. Niat, menyapu muka, menyelat celah janggut dengan jari, tertib
  - B. Niat, menyapu muka, menyapu tangan, tertib
  - C. Niat menyapu muka, menyapu kaki, tertib
  - D. Niat menyapu tangan, menyapu kepala, tertib
13. Pilih fakta yang salah tentang taharah
- A. Taharah boleh berlaku dengan wudu` dan tayammum
  - B. Tayammum boleh digunakan untuk membaca al-Quran dan solat sunat hanya untuk sekali perbuatan sahaja
  - C. Air yang digunakan untuk mandi hadas besar boleh digunakan untuk wudu`
  - D. Wudu` terbatal dengan keluar mani.

14. Solat yang dilaksanakan untuk berdoa meminta hujan dipanggil solat :
- Solat istisqa'
  - Solat khauf
  - Solat witir
  - Solat fajr
15. Seseorang yang meninggalkan solat kerana culas dan malas dikategorikan sebagai
- Kafir
  - Munafiq
  - Fasiq
  - Zindiq
16. Antara berikut yang manakah bukan penanda masuknya waktu solat fardhu
- Terbit fajar sidiq
  - Gelincir matahari
  - Terbenam matahari
  - Terbit matahari
17. Maksud sunat haiah ialah :
- Perbuatan sunat yang tidak disunatkan melakukan sujud sahwai jika tertinggal
  - Perbuatan sunat yang disunatkan melakukan sujud sahwai jika tertinggal
  - Bacaan dalam solat yang sunat dibaca di dalam solat
  - Bacaan dalam solat yang sunat yang boleh dibaca dengan suara tinggi.
18. Tempoh menunaikan solat zohor berakhir ketika
- Panjang bayang sesuatu objek sama dengan panjang objek
  - Panjang bayang sesuatu objek dua kali ganda panjang objek
  - Kelihatan kemerahan di ufuk barat
  - Kelihatan bayang pada sisi objek

19. Zakat wang simpanan sebanyak RM 120,000 yang tersimpan selama setahun adalah sebanyak
- A. RM3000.00
  - B. RM2340.00
  - C. RM1450.00
  - D. RM3500.00
20. Karim memiliki unta sebanyak 30 ekor yang telah cukup haul. Berapakah zakat yang mesti dikeluarkan.
- A. 1 ekor bintu makhad
  - B. 1 ekor bintu labun
  - C. 1 ekor hiqqah
  - D. 1 ekor jazaah

(20 markah)

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi SEPULUH (10) soalan. Jawab SEMUA soalan di dalam Borang Jawapan Betul / Salah

1. Seseorang yang tertinggal satu rukun dalam solat, wajib mengulang semula solatnya jika telah memberi salam.
2. Solat dhuha adalah solat yang dilakukan ketika berlaku gerhana bulan.
3. Seseorang yang ingin menunaikan haji ifrad wajib membayar diyat seekor kambing.
4. Sunat melakukan sujud sahwu apabila seseorang tertinggal satu dari *sunat haiah*.
5. Air musta'mal boleh digunakan untuk berwudu' tetapi makruh.
6. Wang yang sedang di hutangkan kepada seseorang wajib dikenakan zakat jika cukup haul.
7. Melakukan ibadah kurban, sunat dilakukan pada hari wuquf.
8. Zakat pertanian wajib ditunaikan apabila cukup *haul*.
9. Darah dihukumkan najis kecuali hati dan limpa.
10. Darah yang keluar melebihi tempoh maksimum 15 hari haid dipanggil darah *istihadhah*.

(10 markah)

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi LIMA (5) soalan. Jawab EMPAT (4) soalan sahaja dalam Buku Jawapan .

**SOALAN 1**

1. Jelaskan perbezaan antara haji *tamattu`* dan haji *qiran*  
(2 markah)
2. Nyatakan **EMPAT (4)** rukun umrah.  
(2 markah)
3. Sebutkan **EMPAT (4)** perkara jika dilakukan diwajibkan membayar dam  
(2 markah)
4. Berikan dalil wajib menunaikan haji dan umrah  
(2 markah)
5. Terangkan **DUA(2)** hikmah melakukan ibadah haji  
(2 markah)

**SOALAN 2**

1. Jelaskan **LIMA (5)** perkara wajib di dalam haji  
(5 markah)
2. Terangkan **LIMA (5)** perkara yang haram dilakukan ketika ihram  
(5 markah)

**SOALAN 3**

1. Senaraikan **TIGA(3)** jenis puasa yang sunat dilakukan oleh seorang muslim  
(3 markah)
2. Berapakah jumlah fidyah dalam kilogram ke atas seseorang yang menangguhkan qada' puasa yang tertinggal selama 7 hari hingga masuk Ramadan yang tahun berikutnya  
(2 markah)
3. Sebutkan **LIMA (5)** adab dalam berpuasa  
(5 markah)

**SOALAN 4**

1. Apakah definisi zakat dari segi bahasa dan istilah  
(2 markah)
2. Berikan dalil wajib zakat dari Quran dan Hadis  
(2 markah)
3. Jelaskan **TIGA (3)** syarat melaksanakan perintah zakat harta  
(3 markah)
4. Berikan penjelasan bagaimanakah zakat dikenakan ke atas harta berikut :
  - a. 100 ekor kambing dikongsi bersama 2 orang
  - b. 100 ekor kambing dikongsi bersama 3 orang
  - c. 80 ekor kambing dikongsi bersama 4 orang  
(3 markah)

**SOALAN 5**

1. Apakah definisi korban dari segi bahasa dan istilah  
(2 markah)
2. Terangkan DUA (2) hikmah disyariatkan korban  
(2 markah)
3. Nyatakan hukum korban  
(2 markah)
4. Jelaskan bagaimanakah daging korban itu diagihkan jika korban itu dilakukan secara wajib atau sunat  
(2 markah)
5. Bilakah tempoh waktu untuk menunaikan ibadah korban  
(2 markah)

**KERTAS SOALAN TAMAT**

